

Mahathir minta Jepun pimpin Asia

U.M. 25 DEC 1991

TOKYO 24 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta Jepun memainkan peranan sebagai pemimpin dalam kemajuan ekonomi negara-negara rantau Asia Pasifik.

Perdana Menteri berkata, Jepun bukan sahaja rakan perdagangan dan pelabur luar Malaysia yang terbesar, malah ia juga telah menjadi model bagi Malaysia dalam usaha menuju kemajuan ekonomi.

Berucap merasmikan bangunan baru Kedutaan Malaysia di sini petang ini, beliau mengulangi bahawa kedua-dua negara telah menikmati persahabatan yang rapat dan yakin hubungan itu akan terus subur.

"Bangunan baru Kedutaan Malaysia ini akan



ABDULLAH HASSAN

MELAPOR DARI
TOKYO

menjadi sesuatu yang penting bagi memupuk perhubungan yang sedia terjalin.

"Kedutaan ini juga menempatkan banyak agensi Kerajaan Malaysia yang sekarang berselerak di Tokyo dan dengan itu akan meningkatkan perkhidmatannya kepada masyarakat Jepun selain rakyat Malaysia di negara itu," katanya.

LIHAT MUKA 2

MAHATHIR MINTA JEPUN PIMPIN ASIA

Bangunan baru Kedutaan Malaysia di Nampeidai-cho dan apartmen kakitangan di Kami-Meguro dibina dengan harga melebihi \$114 juta (6 ribu juta yen) dan merupakan yang terbaru dan tennahal dari lain-lain Kedutaan Malaysia di seberang laut.

Ia menempatkan juga kediaman rasmi Duta Malaysia sementara apartmen kakitangan pula mempunyai 24 unit yang akan didiami oleh 19 kakitangan yang berkeluarga dan 3 orang yang masih bujang.

Majlis perasmian Kedutaan Malaysia turut diha-din oleh Timbalan Perdana Menteri Jepun merangkap Menteri Luar, Encik Michio Watanabe.

Perdana Menteri berkata, pembinaan bangunan baru Kedutaan Malaysia dibuat menerusi hasil perolehan dari penjualan bekas kediaman rasmi duta dan sebidang tanah di Hon Komagome dalam tahun 1988.

Menurutnya, pembinaan bangunan baru Kedu-taan Malaysia di atas tapak kedutaan lama yang dirobohkan amat membanggakan kerana

rekabentuknya mencantumkan seni bina Melayu, Islam dan Jepun dan beliau berharap ia boleh menambah kepelbagaian senibina di Tokyo.

Sebelum itu, isteri Perdana Menteri, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah ketika merasmikan apartmen kakitangan di Kami-Meguro melahirkan rasa bangga melihat penglibatan semua anggota keluarga kakitangan kedutaan menjayakan majlis itu dan mahu ia dijadikan amalan yang berterusan.

Katanya, dalam konteks perkhidmatan luar negara, peranan isteri melalui aktiviti PERWAKIL-AN adalah sama penting dengan tugas suami mereka.

Beliau juga memuji inisiatif yang diadakan oleh pihak kedutaan dalam mengadakan kelas bimbing-an Bahasa Malaysia, agama, Bahasa Inggeris dan sivik untuk anak-wak dan mahu aktiviti itu ditingkatkan.

Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah juga menasihatkan kakitangan dan perwakilan supaya menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat kerana memahami dan menghormati budaya serta adat resam mereka adalah penting.